

PENGHARGAAN

Dalam usaha untuk menyiapkan latihan ilmiah yang menjadi impian saya selama ini, saya banyak terhutang budi kepada pihak-pihak tertentu serta orang-perseorangan.

Dalam ruang yang sempit ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Oo Yu Hock kerana telah sudi menerima dan menyelia penulisan rencana latihan ini. Lantaran itu, ianya telah membuka ruang untuk penyelidikan kegiatan sukan di Universiti Malaya iaitu satu bidang yang belum lagi diterokai oleh mana-mana orang-perseorangan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang berikut kerana telah banyak membantu saya semasa proses penyelidikan dijalankan :

- i. Profesor Madya Dato' Mohd. Yunus Mohd. Noor - Pengarah Pusat Sukan
- ii. Profesor Stephen Chee Hong Chye - Dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran
- iii. Cik Norsham Abdullah - Penolong Pegawai Kemajuan Sukan di Pusat Sukan
- iv. Encik V. Kanthan - Kerani di Pusat Sukan
- v. Semua responden Asrama Bestari yang sanggup menjawab soal-selidik
- vi. Ahli-ahli Kelab Olahraga Asrama Bestari dan
- vii. Ahli-ahli Kelab Olahraga Universiti Malaya.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada R.Jaya Singam yang pernah menjadi Setiausaha saya di dalam Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani Asrama Bestari sesi 1990/91 di atas kesediaan beliau memindahkan pengetahuan teknologi softwarenya kepada saya. Saya berasa terharu dengan kesanggupan sahabat saya Koay Lean Lee dan Lim Eng Jin walaupun di dalam kesibukan menghadapi peperiksaan akhir tahun, mereka rela membantu saya di dalam proses akhir penyiapan rencana latihan ini. Tanpa bantuan mereka saya tidak mungkin dapat mencapai cita-cita saya ini.

Saya juga ingin merakamkan rasa terhutang-budi kepada Vimala Murugan, Sumitha Ganesharatnam, Liew Lee Chun dan Ranjit Kaur kerana telah menjadi pendorong kuat untuk saya menyiapkan latihan ilmiah ini dengan jayanya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Cikgu Joon Chong Heng dari Sekolah Dato' Jaafar, Johor Bahru kerana memperkenalkan saya kepada bidang sukan khasnya olahraga. Bakat yang telah diaisasnya kini telah menjadi satu nilai yang penting di dalam hidup saya.

PRAKATA

Kegiatan sukan merupakan suatu kegiatan yang penting di Universiti Malaya. Kepentingannya dilihat dari segi keupayaan mahasiswa mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan. Pada awal tahun 1960an, mahasiswa disanjung tinggi oleh masyarakat kerana kebolehan mereka yang seimbang dalam bidang akademik dan bidang sukan.

Aktiviti sukan waktu itu telah membantu Universiti Malaya mewujudkan *esprit de corps*. Kejayaan dalam bidang sukan menyebabkan mahasiswa berasa bangga menjadi pelajar Universiti Malaya. Mereka tidak menganggap diri sendiri sebagai individu sahaja tetapi sebagai sebahagian daripada keluarga yang besar. Kejayaan universiti dalam persaingan sukan adalah kejayaan bagi mereka juga.

Sikap ini mula berubah pada tahun 1970an. Mahasiswa telah dipengaruhi oleh sifat mementingkan diri sendiri dan materialistik. Pada tahun 1980an, mahasiswa mula memenculkan diri mereka daripada kegiatan yang tidak mendatangkan pulangan yang lumayan ini. (Varsiti 1989:141)

Penyelidikan saya ialah mengkaji aktiviti sukan di Universiti Malaya dari segi pentadbiran dan pembangunannya. Penglibatan saya dalam kegiatan sukan sebagai peserta dan pengelola selama tiga tahun di Universiti Malaya khasnya dengan Pusat Sukan telah menyedarkan saya berkenaan masalah-masalah kegiatan sukan di Institut Pengajian Tinggi ini. Ramai ahli sukan menghilangkan diri sebaik sahaja menjakkan kaki di universiti ini.

Untuk mengatasi masalah itu pelbagai perubahan yang menarik telah berlaku di Pusat Sukan sejak setahun yang lalu terutama dari segi falsafah dan matiamat sukan Universiti Malaya. Penyelidikan saya akan meneliti apakah perubahan-perubahan itu dan bagaimana perubahan-perubahan itu akan dilaksanakan untuk mentadbir dan membangunkan kegiatan sukan di universiti ini.

Dalam hal ini, saya telah mendapati satu sistem interaksi yang baik di antara Pusat Sukan dengan komponen-komponen yang terlibat mengendalikan kegiatan sukan di kampus seperti Pentadbiran Universiti, Pentadbiran Fakulti, Pentadbiran Asrama dan pelajar-pelajar adalah perlu. Selama ini kelemahan sistem interaksi tersebut yang telah menyebabkan kepincangan fungsi pentadbiran dan pembangunan sukan di universiti ini. Saya juga telah meneliti pelbagai faktor yang akan menghalang usaha-usaha kemajuan yang dirancangkan oleh Pusat Sukan dan telah mencadangkan alternatif-alternatif untuk menanganinya.

Setahu saya, di Universiti Malaya belum bertulis lagi sebuah latihan ilmiah mengenai penyelidikan kegiatan sukan. Latihan ilmiah yang diusahakan ini diharap dapat mengisi kekosongan itu.

Perkembangan sukan di peringkat universiti dan asrama mestilah sentiasa seiring dengan Dasar Sukan Negara demi untuk menjayakan tema Malaysia Cergas. Konsep Malaysia Cergas adalah untuk memberi penekanan kepada usaha meluaskan kegiatan sukan dan rekreasi dengan melibatkan seberapa ramai rakyat Malaysia. Ianya adalah usaha ke arah mewujudkan kecergasan nasional yang berteraskan kepada penyertaan aktif, kecergasan yang berterusan dan bersikap positif dalam hidup. Saya berharap dengan kajian saya ini usaha ke arah itu akan dapat dijatkan lagi.

RAVINTHON KUNJU RAMAN

JUN 1991